

## **Kesedaran Mahasiswa dalam Kesiapsiagaan Memberi Bantuan Bencana Banjir**

*(Student Awareness and Preparedness for Providing Flood Disaster Relief)*

**Zulkifli Che Hussin<sup>1</sup>, Sivamurugan Pandian<sup>2\*</sup>**

<sup>1,2</sup>Bahagian Antropologi dan Sosiologi, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang, Malaysia.

\*Corresponding author: Sivamurugan Pandian (psiva@usm.my)

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang kesedaran mahasiswa Universiti Sains Malaysia (USM) dalam kesiapsiagaan memberi bantuan bencana banjir. Hampir setiap tahun Malaysia mengalami bencana banjir tidak mengira tempat atau negeri. Manakala mahasiswa yang bertindak sebagai sukarelawan merupakan elemen yang penting semasa proses bantuan. Amalan semasa dan pada masa depan di dalam mengendalikan atau menguruskan bencana banjir seharusnya melibatkan penyertaan dari kalangan mahasiswa universiti. Hal ini menjadikan mahasiswa akan terdedah kepada tindakan kesiapsiagaan untuk menghadapi pengurusan bencana banjir di dalam komuniti. Persoalannya, adakah kesedaran dalam kalangan mahasiswa dalam kesiapsiagaan memberi bantuan banjir? Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati kesedaran mahasiswa adalah terletak kepada diri masing-masing selain daripada pendedahan dari pihak universiti dalam memberi kesedaran dan kesiapsiagaan untuk memberi bantuan bencana banjir. Penglibatan mahasiswa dengan aktiviti berbentuk kesukarelawanan secara tidak langsung dapat memberi impak yang positif dalam diri mahasiswa tersebut.

Kata kunci: Mahasiswa, Universiti Sains Malaysia, bantuan, banjir, kesukarelawanan

### **ABSTRACT**

This study aims to examine the awareness of students at Universiti Sains Malaysia (USM) in their preparedness to provide assistance during flood disasters. Almost every year, Malaysia experiences flood disasters, irrespective of location or state. Students, serving as volunteers, play a crucial role in the relief process. Current and future practices in handling or managing flood disasters should actively involve the participation of university students. This exposure enables students to become familiar with preparedness measures for addressing flood management within the community. The question that arises is: Is there awareness among students regarding preparedness to provide flood assistance? This study employs a qualitative approach through content analysis. The findings indicate that students' awareness is primarily self-driven, supplemented by university initiatives to raise awareness and preparedness for providing flood assistance. Student involvement in voluntary activities indirectly contributes positively to their personal development.

**Keywords:** University students, Universiti Sains Malaysia, assistance, flood, voluntary work

## **1. Pengenalan**

Kajian terdahulu yang dijalankan oleh United Nation (2006), data statistik menunjukkan bahawa 75% daripada penduduk dunia tinggal di kawasan yang telah terjejas sekurang-kurangnya sekali oleh gempa bumi, siklon tropika, banjir atau kemarau antara tahun 1980 dan 2000. Tambahan, United Nation selanjutnya mendapati bahawa berbilion-bilion orang di lebih 100 negara secara berkala terdedah kepada sekurang-kurangnya satu daripada peristiwa ini. Dalam dua dekad yang lalu, lebih daripada 1.5 juta orang telah terkorban akibat bencana alam. Globalisasi dan kesalinghubungan masyarakat global yang semakin meningkat bermakna kejadian bencana di satu tempat berpotensi untuk menjejaskan kehidupan dan dasar awam di lokasi yang jauh (United Nations Development Programme, 2004).

Rantau Asia-Pasifik termasuk Malaysia merupakan wilayah yang paling banyak terjejas oleh bencana dari segi kesan manusia dan ekonomi, dan juga dalam kejadian. Senario itu dijangka bertambah buruk pada tahun-tahun akan datang disebabkan oleh jangkaan kesan perubahan iklim. Tambahan pula, kerentanan dan pendedahan kepada bencana semakin meningkat apabila lebih ramai orang dan aset berada di kawasan berisiko tinggi. Sebagai contoh, sejak 1970, kadar penduduk yang tinggal di lembangan sungai yang terdedah kepada banjir meningkat sebanyak 114 peratus dan di pesisir pantai yang terdedah kepada siklon sebanyak 192 peratus (UNISDR/WMO, 2012). Oleh itu, pengurangan risiko bencana adalah penting untuk memastikan pembangunan mampan.

Bencana adalah kejadian yang mengganggu keadaan normal kewujudan dan menyebabkan tahap penderitaan yang melebihi kapasiti penyesuaian masyarakat yang terjejas (WHO/EHA, 2002). Bencana berlaku dengan pantas, serta merta dan tanpa mengira. Bencana juga boleh ditakrifkan sebagai "gangguan serius terhadap fungsi komuniti atau masyarakat yang melibatkan kerugian dan impak manusia, material, ekonomi atau alam sekitar yang meluas, yang melebihi keupayaan komuniti atau masyarakat yang terjejas untuk mengatasi menggunakan sumbernya sendiri (UNISDR/ WMO, 2012). Menurut Ibrahim (2007), bencana boleh diklasifikasikan kepada tiga jenis: i) semula jadi ii) buatan manusia; dan iii) hibrid. Bencana alam ialah kejadian bencana yang berpunca daripada punca semula jadi seperti letusan gunung berapi, puting beliung dan gempa bumi yang tidak dapat dikawal oleh manusia. Bencana buatan manusia adalah peristiwa bencana yang berpunca daripada keputusan manusia. Bencana udara, darat dan laut adalah contoh bencana buatan manusia. Bencana hibrid ialah gabungan maut kedua-dua kesilapan manusia dan kuasa semula jadi. Contoh bencana hibrid ialah pembukaan hutan yang meluas menyebabkan hakisan tanah, dan seterusnya hujan lebat menyebabkan tanah runtuh.

Kejadian bencana memerlukan pengurusan dan persediaan yang rapi, pengurusan kesediaan sukarelawan juga merupakan aspek penting yang dikaji dibawah persediaan bencana, tindak balas bencana dan pemulihan bencana (Barbour & Manly, 2016). Kenyataan ini turut menjelaskan bahawa keupayaan sukarelawan bertindakbalas dengan kejadian bencana turut bergantung kepada pengurusan dan kesediaan dari sudut latihan dan kemahiran sukarelawan. Oleh itu, kertas kajian ini membincang latihan-latihan persediaan yang diperlukan oleh sukarelawan sebagai langkah kesiapsiagaan dalam memberi bantuan kepada mangsa banjir.

## 2. Latar Belakang Universiti Sains Malaysia

Universiti Sains Malaysia (USM) ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1969, merupakan salah satu institusi pengajian tinggi awam yang tertua di Malaysia. Pada tahun 1971, kampus induk USM telah didirikan di Bukit Minden, lebih kurang 10km dari Bandaraya Georgetown. Suasana kampus yang nyaman dan harmoni ini menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran. Kini USM mempunyai tiga (3) kampus cawangan: Kampus Kejuruteraan bertempat di Seri Ampangan, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Manakala Kampus Kesihatan bertempat di Kubang Kerian, Kelantan. Mulai pengambilan Sidang Akademik 2010/2011, USM mula menawarkan Program Pengajian Antarabangsa Doktor Perubatan USM - KLE dengan usahasama Karnataka Lingayat Education Society (KLE) yang terletak di Belgaum, Karnataka, India. Sejak ditubuhkan, USM telah diberikan mandat untuk memberi dan memajukan pengajian tinggi dalam bidang sains dan teknologi yang meliputi Sains Tulen, Sains Gunaan, Perubatan, Kejuruteraan, Pembangunan dan juga bidang Sains Kemasyarakatan, Kemanusiaan dan Pendidikan. USM merupakan institusi yang menyediakan arena untuk penyelidikan, pemajuan dan penyebaran ilmu intelek sains dan kemanusiaan. Pada 4 September 2008, USM telah diisytihar sebagai Universiti APEX (*The Accelerated Programme for Excellence*) atau Program Pemacuan Untuk Kecemerlangan yang pertama di Malaysia. Pengisytiharan ini akan menjadikan USM untuk melonjakkan kecemerlangan bertaraf dunia selari dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

Kini USM mempunyai seramai 27,276 orang pelajar di kesemua kampus yang terdiri daripada 16,683 pelajar melayu, 5401 pelajar cina, 2651 pelajar india dan 2541 pelajar lain-lain kaum (Bahagian Pengurusan Akademik, 2016). Perkara ini menunjukkan bahawa USM adalah satu universiti pilihan daripada 22 universiti awam yang lain. USM juga menggalakkan dan membangunkan pengajian tinggi dalam bidang Sains Tulen, Sains Gunaan, Sains Perubatan dan Kesihatan, Sains Farmasi, Sains & Teknologi Bangunan, Sains Kemasyarakatan, Ilmu Kemanusiaan, dan Ilmu Pendidikan, di samping menyediakan penyelidikan dan pemajuan ilmu serta menyebarkan ilmu tersebut dalam bidang-bidang pengajian ini.

USM dengan bantuan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni juga merupakan salah satu medium para pelajar untuk mengasah bakat dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti bagi mendedahkan pelajar dari sudut sahsian, kepimpinan, pengurusan organisasi dan sebagainya. Di bawah pentadbiran Bahagian Hal Pelajar dan Alumni, terdapat 112 pertubuhan pelajar seperti mana yang ditunjukkan dalam jadual 1.0 dibawah. Jadual 1.1 merupakan fokus utama aktiviti pelajar yang dilakukan di USM.

Jadual 1.0: Pertubuhan Pelajar di USM

Bil.	Kategori Pertubuhan Pelajar	Bilangan
1.	Kelab	28
2.	Anak Negeri	13
3.	Majlis Penghuni Desasiswa	7
4.	Badan Beruniform (Kelab Sukan)	5
5.	Sekretariat	27
6.	Persatuan	32
7.	<b>JUMLAH</b>	<b>112</b>

*Sumber: Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni 2023*

Jadual 1.1: Jadual Fokus Utama Aktiviti di USM

<b>Bil.</b>	<b>Objektif / Fokus / Aktiviti Utama</b>	<b>Bilangan</b>
1.	Pusat Pengajian	14
2.	Desasiswa	7
3.	Anak Negeri	13
4.	Badan Beruniform	6
5.	Pelajar-pelajar OKU	1
6.	Kepimpinan	1
7.	Khidmat Masyarakat	7
8.	Kesukarelawanan	2
9.	Kebudayaan	7
10.	Keusahawanan	4
11.	Sukan / Rekreasi	9
12.	Pengucapan Awam	1
13.	Sains	5
14.	Sosial	3
15.	Seni	7
16.	Keselamatan	1
17.	Perpaduan	1
18.	Integriti & Pencegahan Rasuah	2
19.	Anak-anak Felda	1
20.	Kelestarian	1
21.	Kewangan	3
22.	Bahasa dan Terjemahan	7
23.	Keagamaan	8
24.	Pencegahan Dadah	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>112</b>

Sumber: Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni 2023

Berdasarkan kedua-dua jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat banyak pertubuhan sama ada persatuan, kelab dan sebagainya. Pertubuhan ini mempunyai 24 aktiviti yang memberi fokus utama kepada pelajar untuk mengasah bakat dan melibatkan diri. Pelajar merupakan aset penting bagi sesebuah universiti. Maka, disebabkan oleh faktor inilah menyebabkan setiap universiti di Malaysia perlu bersaing antara satu sama lain bagi mendapatkan lebih ramai pelajar yang berkualiti. Oleh itu, kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh setiap universiti perlu memenuhi kepuasan setiap pelajar.

## 2. Sorotan Kajian

Di Malaysia, mekanisme pengurusan risiko bencana terdiri di peringkat nasional, negeri dan daerah. Walau bagaimanapun masih terdapat kekurangan di peringkat komuniti. Bagi mengatasi kekurangan ini, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri ketika itu telah meminta semua agensi yang terbabit dalam penggubalan dasar dan pelaksanaan pengurusan bencana supaya memberi tumpuan kepada usaha memperkasa masyarakat, komuniti dan agensi daerah dalam pengurusan risiko bencana (Berita Harian, 2019). Pemeraksanaan ini perlu

dilaksanakan melalui latihan dan pengurusan risiko bencana berasaskan komuniti (CBDRM) bagi membentuk negara dan komuniti yang berdaya tahan terhadap bencana. Langkah itu sejajar dengan komitmen untuk mewujudkan Strategi Pengurangan Risiko Bencana di Peringkat Tempatan menjelang 2020 seperti dizahirkan pada Persidangan Menteri Asia berkaitan Pengurangan Risiko Bencana di Mongolia pada Julai 2018. Strategi ini bertujuan memperkasakan pengurusan risiko bencana di peringkat masyarakat dan komuniti, terutamanya golongan rentan yang merangkumi wanita, warga emas, kanak-kanak, orang kelainan upaya (OKU) dan imigran (Berita Harian, 2019). Dengan adanya strategi ini, tindakan pencegahan melalui program mitigasi pengurangan risiko bencana, menambah baik perancangan kesiapsiagaan dan tindak balas bencana serta pemulihan semula selepas bencana adalah inisiatif yang wajar diaplikasikan semua pihak dalam kitaran pengurusan risiko bencana.

Para sarjana turut melaksanakan kajian berdasarkan situasi bencana di Malaysia. Menurut Tuan Pah Rokiah et al. (2015) dalam kajian terhadap 1100 sampel di beberapa mukim dalam daerah Segamat, Johor menyatakan bahawa persiapan individu dan komuniti adalah dipengaruhi oleh pengalaman mereka yang terkesan dengan bencana. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara individu yang berpengalaman menghadapi bencana dan sebaliknya. Mereka yang berpengalaman akan membuat persiapan dari sudut psikologi meliputi aspek kognitif, afektif dan psikomotor berbanding dengan mereka yang tiada pengalaman. Selain itu, Ang Kean Hua (2016) telah mengkaji berkaitan persiapan komuniti dalam menghadapi banjir monsun di Kota Bharu, Kelantan.

Dapatan kajian terhadap 400 responden yang mendiami lokasi berhampiran sungai Kelantan menunjukkan bahawa pengalaman mengalami bencana membuatkan komuniti sentiasa bersedia. Persiapan-persiapan tersebut dapat dilihat melalui tindakan komuniti yang membina rumah bertiang tinggi, penyimpanan stok-stok makanan, persiapan perahu dan pelampung sebagai alat keselamatan. Manakala, Nasir et al. (2017) telah membuat kajian mengenai kesan bencana banjir terhadap perniagaan di Kuala Krai Kelantan. Kajian ini melibatkan 175 peniaga yang berpengalaman terkesan dengan bencana banjir yang mengakibatkan kerosakan dan kehilangan premis perniagaan mereka.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kerjasama antara semua pihak merupakan kunci utama kejayaan bagi menimbulkan kesedaran tentang ancaman bencana. Kempen-kempen kesedaran, bengkel, kursus dan latihan-latihan secara formal dan informal merupakan antara langkah penting dalam mempersiapkan komuniti bagi menghadapi bencana. Seterusnya, Ahmad Azan et al. (2017) pula dalam kajian terhadap 318 responden yang terdiri daripada penduduk di Bukit Antarabangsa, Ampang Jaya, Selangor mendapati bahawa pendidikan, keterlibatan dan kepimpinan mempunyai hubungan yang signifikan dengan persiapan komuniti dalam menghadapi bencana. Sarina et al. (2018) pula menjalankan kajian berkaitan tindakan penyesuaian serta kesiapsiagaan yang dilakukan penduduk Hulu Dungun bagi menghadapi fenomena bencana banjir. Dapatan daripada temubual terperinci dan pemerhatian terhadap 15 responden mendapati bahawa pengalaman mereka menghadapi bencana banjir telah mendatangkan pelbagai gangguan dan tekanan sama ada secara fizikal, sosial dan emosi mangsa. Pengalaman yang dilalui menyebabkan komuniti mengambil inisiatif dengan melaksanakan tindakan peredaan dan kesiapsiagaan bagi jangka pendek dan jangka panjang bagi menghadapi ancaman banjir di lokaliti mereka dengan bantuan agensi kerajaan. Langkah-langkah ini merupakan tindakan peredaan dan persiapan bagi memudahkan aspek-aspek lain dalam pengurusan bencana diselaraskan.

Selanjutnya, sorotan literatur terhadap beberapa dokumen yang merupakan polisi pengurusan bencana turut dilaksanakan. Di antaranya ialah polisi yang dibangunkan oleh International

Commission for the Protection of the Danube River (ICPDR) pada 2015 berkaitan pengurusan risiko banjir bagi negara-negara yang berada di lembangan sungai Danube, iaitu Germany, Austria, Republik Czech, Slovakia, Hungary, Serbia, Bosnia Herzegovina dan Moldova. Selain itu, polisi menghadapi bencana Queensland State Disaster Management Plan (2013), cadangan kerangka menghadapi bencana oleh Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030 (2015); Disaster Risk Management for Sustainable Development (DRMSD) (2013) oleh Centre for Global Sustainability Studies, Universiti Sains Malaysia dan Malaysia Disaster Management Reference Handbook (2019) turut diteliti bagi mendapatkan idea-idea yang bersesuaian untuk diadaptasikan dalam kerangka pengurusan bencana fasa peredaan dan persiapan.

### **3. Metod Kajian**

Kertas kerja ini menggunakan kajian berbentuk kualitatif. Pengumpulan data adalah berdasarkan kajian kepustakaan dan dokumentasi. Data sekunder merupakan data sedia ada yang dikumpul dan diproses oleh penyelidik terdahulu (Snyder, 2019), Mohajan (2018), dan Weber (2017). Ia melibatkan penelitian sebarang bentuk penulisan sama ada dalam bentuk teks atau nombor yang diperolehi melalui kajian dokumen. Data-data kajian ini diperolehi dengan melakukan kajian kepustakaan ke atas dokumen-dokumen bertulis sama ada yang diterbitkan ataupun tidak. Dokumen yang dirujuk adalah seperti definisi bencana, konsep bencana di Malaysia yang berkaitan dengan kertas kerja ini. Data sekunder yang terkumpul sama ada di laman sesawang mahupun perpustakaan diklasifikasikan kepada dua maklumat utama berdasarkan topik kertas kerja ini. Pertama, maklumat yang diperolehi daripada bahan yang diterbitkan seperti buku, artikel dalam jurnal dan juga bahan yang tidak diterbitkan seperti kertas kerja seminar dan bengkel, laporan penyelidikan. Sementara itu, sebahagian daripada bahan dan maklumat diperolehi dari capaian laman sesawang bagi mengukuhkan dapatan kajian. Kedua, bagi memastikan secara intensif, penyelidik juga turut menggunakan kaedah pencarian menerusi pengkalan data sekunder.

### **4. Hasil Kajian dan Perbincangan**

#### **4.1. Kepentingan Pengurusan Bencana Banjir**

Terdapat perubahan ketara dalam sikap menangani cabaran bencana. Sejak sekian lama, bencana dilihat sebagai kejadian sekali sahaja yang dikendalikan melalui usaha tindak balas kemanusiaan dan bantuan. Sepanjang beberapa dekad terdapat langkah-langkah yang jelas ke arah memperkukuh kesiapsiagaan, dan memastikan tindak balas yang lebih berkesan dan cekap melibatkan masyarakat adalah satu kemestian. Pendekatan bottom-up ini digunakan untuk menilai dan membangunkan asas yang datang daripada usaha orang bawahan, individu atau masalah rakyat itu sendiri (Howlett et al, 2003).

Merujuk kepada ini, membina strategi Yokohama dan sebagai mengiktiraf keperluan untuk menangani aspek bencana sesuatu tempat HyogoFramework for Action (HFA) 2005-2015: Building the Resilience of Nations and Communities to Disaster telah diterima pakai. di Persidangan Dunia mengenai Pengurangan Bencana di Kobe, Hyogo, Jepun pada tahun 2005. Rangka Kerja ini berfungsi sebagai instrumen panduan untuk kerjasama antarabangsa, pengurangan risiko bencana dan pembinaan daya tahan. Ini termasuk sasaran negeri atau komuniti yang diiktiraf sebagai amalan terbaik untuk pelaksanaan yang berkesan (UNISDR/WMO, 2012), secara ringkasnya mengiktiraf peranan masyarakat dalam mengurangkan risiko bencana.

HFA menggariskan lima keutamaan untuk tindakan; i) untuk memastikan bahawa pengurangan risiko bencana adalah keutamaan nasional dan tempatan dengan prinsip institusi yang kukuh untuk

pelaksanaan, ii) untuk mengenal pasti, menilai dan memantau risiko bencana dan menambah baik amaran awal, iii) untuk menggunakan pengetahuan, inovasi dan pendidikan untuk memupuk budaya keselamatan dan daya tahan di semua peringkat, iv) untuk mengurangkan faktor risiko asas, dan v) untuk mengukuhkan kesiapsiagaan bencana untuk tindak balas yang berkesan di semua peringkat. Berdasarkan lima keutamaan tersebut, pelbagai aktiviti boleh dijalankan dengan penglibatan aktif masyarakat setempat. HFA bukan sahaja mengambil kira peranan masyarakat dalam mengurangkan risiko bencana, tetapi juga memberi tumpuan kepada mewujudkan pelbagai prinsip untuk masyarakat mengambil bahagian secara aktif dalam sebarang program pengurangan risiko bencana. Kerangka tersebut menyatakan sekurang-kurangnya empat perkara penting iaitu; i) penyertaan masyarakat, ii) pengurusan dan pertukaran maklumat, iii) pendidikan dan latihan, dan iv) kesedaran awam (Azrina, 2016).

Pengurusan bencana di Malaysia tidak tertumpu kepada jenis bencana tertentu. Setiap polis yang dikeluarkan digunakan untuk semua jenis bencana termasuk banjir. Dari perspektif sejarah, pengurusan bencana di Malaysia secara amnya dianggap sebagai fungsi diraja dan sebahagian besarnya berdasarkan strategi berpusatkan kerajaan atas ke bawah (Chan, 1995). Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk mengurangkan risiko bencana. Oleh itu, banyak agensi terlibat dalam pengurusan bencana, termasuk yang berikut (NSC, 1997):

- Polis Diraja Malaysia
- Angkatan Tentera Malaysia
- Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)

Ke arah ini, satu mekanisme Pengurusan Bencana Domestik Utama telah diwujudkan pada Mei 1994 untuk mengharmonikan semua agensi kecemasan dan mengawal aktiviti bantuan semasa sebarang kejadian bencana besar di tanah bertajuk Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) 20. Ini selepas Tanah Tinggi Tragedi menara. sebagai contoh dan rujukan pengurusan bencana pada masa hadapan, di mana Asas dan Mekanisme Pengurusan Bencana dan Bantuan Negeri telah digariskan. Arahan NSC 20 bermaksud prosedur operasi standard (SOP) untuk semua jawatan yang terlibat dalam pengurusan bencana. Antara jenis kejadian bencana yang dilindungi di bawah Arahan 20 ialah; bencana alam seperti banjir, ribut, kemarau dan banjir lumpur; kemalangan industri besar seperti kebakaran dan letupan; bangunan runtuh, kemalangan kereta api; bencana nuklear; kemalangan penerbangan yang berlaku di kawasan perumahan atau binaan; dan keadaan penderaan yang meluas yang menyebabkan tekanan kepada alam sekitar dan menjejaskan ketenteraman awam. MKN telah mengklasifikasikan pengurusan bencana kepada tiga peringkat utama iaitu sebelum bencana, semasa dan pasca bencana bagi memastikan pengurusan yang lebih holistik.

Bermula 1 Oktober 2015, pengurusan bencana di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Peranan NADMA adalah untuk menjalankan kesiapsiagaan bencana, operasi mencari (SAR) dan usaha bantuan dengan berkesan. Salah satu peranan penting NADMA adalah untuk menggalakkan kesedaran awam. Risiko bencana perlu dipandang serius dengan mengambil kira kesannya terhadap kehidupan dan kehidupan serta pembangunan negara. Memang diakui bukan semua bencana boleh dicegah, tetapi impaknya dan semua risiko asas dapat dikurangkan. Kerajaan tidak boleh hanya mengurangkan risiko bencana. Justeru, pihak lain yang berkepentingan khususnya penglibatan masyarakat perlu ditingkatkan dengan cekap kerana dalam setiap bencana, masyarakatlah yang menerimanya dan mereka yang paling menderita.

#### **4.2. Kesedaran Mahasiswa Dalam Pengurusan Bencana Banjir**

Di Malaysia, dari segi perlindungan dan pengurusan banjir, Agensi Bantuan dan Kesiapsiagaan Bencana Banjir Malaysia (MFDRPM) telah ditubuhkan selepas bencana banjir 1971 apabila Agensi Pengurusan dan Bantuan Bencana Kebangsaan (NDMRC) ditubuhkan. Jawatankuasa ini diamanahkan dengan tanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan dan menyelia operasi bantuan semasa banjir. Malangnya, ini adalah pendekatan atas ke bawah sepenuhnya kerana kebanyakan organisasi dalam jawatankuasa adalah pejabat/agensi kerajaan dan organisasi sosial yang mampu menyediakan tempat perlindungan, keselamatan, makanan dan bekalan perubatan.

Oleh itu, Strategi Pengurusan Bencana Negeri Malaysia direalisasikan. Strategi tulang belakang agensi adalah untuk mencapai penajajaran yang berkesan dan pendekatan bersatu ke arah memupuk budaya pencegahan, perlindungan, dan keselamatan awam dalam komuniti (ADRC, 2009). Visinya adalah untuk mewujudkan persekitaran yang selamat untuk masyarakat melalui pengurusan bencana dan pembangunan mampan dalam abad ke-21. Strategi ini amat penting bagi menyokong kerajaan dalam menggalakkan dialog dan kerjasama antara kementerian dan agensi di peringkat nasional dan masyarakat untuk melibatkan dan memperkasakan masyarakat dalam mengurangkan risiko bencana.

Di USM, penubuhan sukarelawan dalam kalangan pelajar sudah lama sekitar tahun 90-an. Namun pada tahun 2006, pasukan sukarelawan USM di jenamakan semula dan digelar sebagai Kor Sukarelawan USM. Kor Sukarelawan USM ini bertujuan untuk mewujudkan penglibatan pelajar ke arah menjadi sukarelawan dalam pelbagai peringkat tidak kira sama ada untuk bencana mahupun program lain seperti membantu jemaah haji, membantu komuniti dan sebagainya (USM t.t). Kor sukarelawan USM berperanan dalam memberi peluang pelajar yang berminat untuk menjadi seorang sukarelawan. Pelbagai pendedahan dan pengajuran yang dilaksanakan bagi menarik minat pelajar. Pendedahan seperti dapat memberi kesan yang lebih baik dalam diri pelajar supaya sentiasa peka dalam apa jua keadaan dan isu semasa yang berlaku dalam negara. Kor sukarelawan juga diberi pendedahan dalam peredaran dan persiapan dengan aktiviti pencegahan, latihan menyelamatkan, mendapatkan maklumat berkaitan bencana, serta pendidikan di peringkat individu, komuniti dan organisasi. Maklumat-maklumat berkaitan aktiviti harian, arahan-arahan terkini pihak berkuasa, serta latihan berkaitan aktiviti menyelamatkan dan pelan-pelan evakuasi serta tempat berkumpul perlu menjadi keutamaan dalam elemen ini. Setiap individu, komuniti dan agensi perlu sentiasa peka berkenaan perkara ini.

Semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa harus dipupuk sejak mereka menjejakkan kaki ke menara gading kerana mahasiswa ialah contoh teladan terbaik kepada masyarakat apabila aktiviti kesukarelawanan dijalankan dengan sepenuh hati walaupun tanpa mengira masa, tenaga dan wang ringgit. Bagi generasi muda, khususnya mahasiswa aktiviti kesukarelawanan harus menjadi satu identiti. Jati diri ini wajar ditanam dan dipupuk dalam diri setiap mahasiswa di semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Aktiviti kesukarelawan akan berpeluang membentuk identiti diri dan secara tidak langsung membuka ruang kerjaya yang lebih luas kerana memiliki potensi diri seperti kemahiran berkomunikasi, penyelesaian masalah dan kerja sepasukan. Hal ini, turut disokongkan oleh Barbara J. Houle et.al (2005) apabila menyatakan bahawa individu mungkin mempunyai lebih banyak pengalaman positif apabila dibenarkan memilih tugas sukarela yang akan memenuhi motif mereka sama seperti dapatan kajian oleh (Clary et al., 1998) yang mendapati bahawa sukarelawan yang melaksanakan tugas selaras dengan motif mereka melaporkan pengalaman sukarelawan yang lebih positif dan mendorong mereka untuk terus menjadi sukarelawan pada masa hadapan



Secara umumnya, tenaga kerja sukarelawan yang ramai lagi efisien sangat diperlukan dalam menjayakan program Khidmat Masyarakat kerana merekalah tulang belakang semua kejayaan. Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan telah mengisytiharkan Tahun Sukarelawan Negara sejak 2009 sebagai bukti betapa tingginya komitmen pihak pemerintah dalam usaha memperkasakan semangat kesukarelawan malah pelbagai persatuan dan kelab ditubuhkan pada peringkat universiti untuk menyemai semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa. Contohnya, Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) iaitu sebuah entiti yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan yang bukan sahaja berusaha menarik seberapa ramai sukarelawan dalam kalangan siswa malah berfungsi untuk menampilkan pemimpin sukarelawan dalam kalangan siswa.

Penglibatan mahasiswa dalam sukarelawan dalam menjalankan aktiviti sukarela tidak terhasil tanpa motivasi yang mempengaruhinya. Penglibatan sukarelawan yang tidak menentu dan tidak konsisten mendorong Clary dan Snyder (1999) memperkenalkan *Volunteer Function Inventory* (VFI). Dalam VFI terdapat enam (6) faktor yang mempengaruhi motivasi seseorang sukarelawan untuk menjalankan kerja-kerja sukarela.

#### **4.3. Penglibatan Kesukarelaan dalam VFI**

*Volunteer Function Inventory* (VFI) meletakkan faktor nilai sebagai faktor utama penglibatan sukarelawan. Nilai-nilai murni dan kemanusiaan dapat dinyatakan oleh siswa yang melibatkan diri dalam kerja sukarela dan kemanusiaan (Clary & Snyder, 1999). Kenyataan ini disokong oleh Nur Raihan dan Azizan (2013) yang menyatakan sukarelawan memiliki nilai yang baik dan melahirkan kelakuan serta sikap yang baik serta percaya bahawa membantu individu lain merupakan satu tanggungjawab bersama. Faktor nilai ini datangnya daripada niat yang murni daripada sukarelawan itu sendiri.

<b>Fungsi</b>	<b>Definisi/konsep</b>
<b>Nilai</b>	Individu yang menjalankan kerja sukarela adalah bertujuan untuk menyatakan atau melahirkan sifat kemanusiaan dan juga nilai-nilai murni yang terdapat dalam diri.
<b>Pemahaman</b>	Sukarelawan ingin memahami dan mengetahui dengan lebih mendalam terhadap kemahiran dan juga keperluan semasa.
<b>Perlindungan</b>	Sukarelawan menjalankan aktiviti sukarela untuk mengatasi masalah peribadi ataupun perasaan dukacita.
<b>Kerjaya</b>	Sukarelawan mencipta pengalaman melalui aktiviti sukarela dengan matlamat untuk mendapatkan kerjaya yang bersesuaian
<b>Sosial</b>	Aktiviti sukarela yang dijalankan oleh sukarelawan membolehkan sukarelawan tersebut mengukuhkan lagi hubungan sosial dengan sukarelawan lain serta persekitaran
<b>Peningkatan</b>	Sukarelawan dapat membangunkan serta meningkatkan psikologi diri melalui aktiviti kesukarelaan

Sumber: Clary dan Snyder (1999)

Ironinya, dapatan aktiviti sukarelawan ini selari dengan pernyataan bahawa pendidikan ialah satu usaha berterusan untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu demi mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang daripada aspek intelek, rohani, emosi, jasmani, dan sosial. Justeru itu, faktor motivasi memainkan peranan penting dalam memotivasikan sukarelawan siswa dalam menjalankan aktiviti sukarela. Ini adalah kerana faktor motivasi yang baik akan terus mengekalkan momentum sukarelawan untuk menjalankan aktiviti sukarela sepanjang masa di mana secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan kesejahteraan fizikal sukarelawan, membentuk jaringan sosial yang lebih luas dan seterusnya membantu menyelesaikan isu-isu sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat.

## **5. Kesimpulan**

Kesedaran mahasiswa dalam kesiapsiagaan dalam membantu mangsa banjir adalah peranan membawa kepada institusi itu sendiri. Di mana, universiti merupakan alam baru bagi mahasiswa untuk terlibat dalam aktiviti ini. Pendedahan dan penglibatan pelajar bermula disini supaya mahasiswa dapat menerapkan dalam diri iaitu sifat motivasi yang tersendiri selari dengan keinginan dan kehendak yang tinggi dalam diri sukarelawan tersebut untuk membantu masyarakat. Penglibatan sukarelawan dengan aktiviti berbentuk kesukarelawanan secara tidak langsung boleh memberi impak yang positif dalam diri sukarelawan berkenaan. Ini membolehkan mereka mengambil bahagian secara berkesan dalam aktiviti semasa, selepas dan sebelum bencana. Sebagai sebahagian daripada strategi untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang bencana, masyarakat perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan. Oleh itu, ahli masyarakat kemudiannya boleh menjadi agen perubahan untuk mengedarkan maklumat kepada ahli komuniti yang lain. Ini membantu merealisasikan semangat kolektif kami untuk projek pencegahan dan mitigasi bencana untuk memastikan kemampanan jangka panjang.

## **Rujukan**

- Ahmad Azan Ridzuan, Mohd Juraimy Kadir, Safar Yaacob, Rina Suryani Oktari, Noor Azmi Mohd Zainol, & Mazura Mat Zain. (2017). Community resilience elements and community preparedness at Bukit Antarabangsa. *American Institute of Physics (AIP) Conference Proceeding*, 1857 (1), <https://doi.org/10.1063/1.4987122>.
- Ang Kean Hua. (2016). Persepsi masyarakat terhadap bencana banjir monsun di Malaysia: Kajian kes Kota Bharu, Kelantan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (9), 24-31.
- Azrina Sobian. (2016). An overview of the participation community and faith-based organisations (FBO) in disaster preparedness in Malaysia. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and Contemporary World*. 9: 87-111.
- Barbour, J. B., & Manly, J. N. (2016). Redefining Disaster Preparedness: Institutional Contradictions And Praxis In Volunteer Responder Organizing. *Management Communication Quarterly*, 30(3), 333-361. doi: 10.1177/0893318916629101
- Clary, E. G., & Snyder, M. (1999). The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations. *Current Directions in Psychological Science*, 8(5), 156–159. <https://doi.org/10.1111/1467-8721.00037>
- Ibrahim Mohamed Shaluf. (2007). Disaster types. *Disaster Prevention and Management* 16(5): 704- 717.
- Mohajan, H. K. (2018). Qualitative research methodology in social sciences and related subjects. *Journal of economic development, environment and people*, 7(1), 23-48.

- Nasir Nayan, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Yazid Saleh, Zullyadini A. Rahaman, & Koh Liew See. (2017). Flood Aftermath Impact on Business: A Case Study of Kuala Krai, Kelantan, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 836-845.
- Nur Raihan Che Nawi & Azizan Asmuni (2013). Motivasi sukarelawan terhadap penglibatan dalam kerja sukarela di yayasan salam Malaysia. Dalam *Graduate Research in Education Seminar (GREduc 2013)*, 1 Dec. 2013, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, 88-92.
- Sarina Yusoff, Rahimah Abdul Aziz, & Nur Hafizah Yusoff. (2018). Impak sosioekonomi bencana banjir 2014: Tindakan penyesuaian dan kesiapsiagaan local. *GeografiaMalaysian Journal of Society and Space*, 14(4), 74-88.
- Snyder, H. (2019). Literature review as a research methodology: An overview and guidelines. *Journal of business research*, 104, 333-339.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Baharum Mohamed, & Hamidi Ismail. (2015). Kesediaan diri anggota masyarakat daripada perspektif psikologi berkaitan bencana banjir di Daerah Segamat. *Journal of Techno-Social*, 7(2), 1-23.
- UNISDR/WMO. May (2012). UN System Task Team on the Post-2015 UN Development Agenda. Disaster risk and resilience, Thematic Think Piece.
- United Nations Development Programme. (2004). Reducing disaster risk: A challenge for development, Bureau for Crisis Prevention and Recovery, New York, NY
- United Nations. (2006). International strategy for disaster reduction, available at: [www.unisdr.org/](http://www.unisdr.org/)
- Weber, M. (2017). *Methodology of social sciences*. Routledge.
- WHO/EHA. (2002). Disasters & emergencies definitions. Panafrican Emergency Training Centre, Addis Ababa.